

Jubli Emas UiTM tiupkan semangat baru

um. 11/11/06 msf

SHAH ALAM 10 Nov. – Sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Teknologi Mara (UiTM) diadakan dengan harapan dapat meniupkan semangat baru untuk meneruskan perjuangan memartabatkan kaum bumiputera dalam pelbagai bidang profesional, ekonomi, sains dan teknologi selain daripada mengenang jasa serta sumbangan warganya.

Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, pelbagai program dirancang di pelbagai peringkat sempena sambutan jubli emas itu untuk menyampaikan maklumat terkini, sejarah, pencapaian dan kecemerlangan graduan hingga kini yang diharapkan dapat mem-

berikan kesan positif pada masyarakat.

Katanya, kejayaan demi kejayaan yang mengharumkan nama UiTM diketengahkan untuk *tatapan umum dan sebagai pembakar semangat* para mahasiswa untuk terus berusaha dan berjaya dengan cemerlang.

Kejayaan warga UiTM menawan Everest dan Antartika umpamanya merupakan simbolik kepada kemampuan anak Melayu yang tiada had serta kemampuan kumpulan penyelidik UiTM merangkul tujuh pingat di seminar Bioteknologi Asia 2006 dan 13 pingat di Geneva membuktikan kehebatan dalam pelbagai bidang, katanya di Majlis Karnival 50 Tahun UiTM di sini malam ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Prof. Ibrahim berkata, UiTM ibarat sebatang pohon yang rendang yang tumbuh dengan sempurna hasil jagaan yang rapi iaitu ia diberi perhatian oleh semua pihak dan berpandukan kepada satu visi serta pandangan jauh kepimpinan politik dan ia telah memasuki era kematangan yang jitu.

Beliau berkata, UiTM terus wujud demi perjuangan yang belum selesai.

“Saya menyeru agar setiap warga UiTM menyedari hakikat perjuangan ini. Hakikat bahawa orang Melayu bumiputera tidak boleh lemah. Tidak boleh malas. Tidak boleh

leka dengan segala kemudahan dan kemakmuran yang dinikmati selama ini,” katanya.

Prof. Ibrahim berkata, 50 tahun adalah tempoh yang panjang dimana pelbagai onak dan duri telah ditempuhi bagi membolehkan UiTM mengecapi pelbagai kejayaan.

Namun, katanya, kadang-kadang kealpaan akan berlaku terhadap jasa mereka yang terdahulu.

“Apa yang kita nikmati hari ini adalah hasil usaha mereka. Kita tidak harus terus membiarkan nama dan jasa mereka hilang dalam lipatan sejarah semata-mata. Inilah masa semua usaha ini dikenang, Kita harus terus belajar dari sejarah,” katanya.

– Bernama